

Bekalan di musim banjir mencukupi



Pegawai KPNDHEP menjalankan Ops Catut 6.0 di premis-premis di sekitar Gua Musang semalam.

GUA MUSANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) melantik 13 premis pemegang stok mini yang diberi kebenaran menyimpan barang-barang kawalan melebihi had di dalam lesen di daerah ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah, Mohd Koma Shapii berkata, tindakan tersebut bagi memastikan bekalan barangan kawasan mencukupi terutama dalam persiapan menghadapi bencana banjir.

Menurutnya, kesemua premis dilantik itu dibenarkan menyimpan barangan kawalan sebanyak 30 peratus melebihi had dalam lesen.

"Antara barangan terlibat adalah gas memasak, gula, tepung gandum, minyak masak, petrol dan diesel.

"Jumlah stok terkini yang sedia

ada dan boleh menampung keperluan pengguna semasa dalam tempoh bencana alam bagi daerah ini adalah 8.7 tan metrik gula, 6.2 tan metrik (tepung gandum) dan 7.6 tan metrik (minyak masak).

"Bagi gas memasak, terdapat 29 tan metrik diperuntukkan iaitu 22,098 tong manakala petrol sebanyak 198,000 liter dan diesel 137,000 liter," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pemeriksaan dalam Ops Catut 6.0 semalam yang bermula 1 Disember hingga 30 Jun 2020 di semua peringkat premis termasuk kilang, borong dan runcit di daerah ini.

Mohd Koma berkata, operasi itu bagi memastikan tiada peniaga menaikkan harga barangan secara melampau khususnya menjelang musim baharu persekolahan dan Tahun Baru Cina pada Januari nanti.